

TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. MADYA DR NORAZMIR MD NOR
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR
UiTM CAWANGAN SELANGOR

MEWAKILI
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
FUN FITNESS: AERODANCE UCS RECTOR'S
CUP

4 JAN 2025 | SABTU | 5.00 PETANG
RUANG TERBUKA KOMPLEKS
KEDIAMAN PELAJAR ANGSANA
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHI RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIBI AJMAIN**

YBrs. Dr Wan Rafidah Zawani Wan Ali

Penasihat 1 Kelab Program Siswa Sihat (PROSIS)

UCS Kampus Puncak Alam

merangkap Penasihat Program Fun Fitness:

Aerodance UCS Rector's Cup 2024

YM Raja Nazura Raja Anis

Penasihat Persatuan Kesenian dan Kebudayaan

(PERSENI)

Selaku Penasihat Bersama

Saudara Muhammad Azib Azizi

dan

Saudara Izz Haziq Mohd Nazrul Faiz

Selaku Pengarah Bersama

Barisan Juri Jemputan

Barisan ahli Jawatankuasa Penganjur

Para pelajar yang dikasihi, para peserta program,
tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir atas kesudian melapangkan waktu untuk turut sama menjayakan **Program Fun Fitness: Aerodance UCS Rector's Cup 2024**.
2. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan kita segala nikmat dan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Kelab Program Siswa Sihat (PROSIS) dengan kerjasama dengan Persatuan Kesenian dan Kebudayaan (PERSENI) atas usaha penganjuran program ini.

4. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada para peserta program **Fun Fitness: Aerodance UCS Rector's Cup 2024**, kerana tanpa kehadiran anda, program ini tidak mungkin dapat dijayakan.

Hadirin yang saya hormati,

5. Saya dimaklumkan, program ini merupakan salah satu inisiatif kesihatan bagi memastikan kita bukan sahaja kekal cergas secara fizikal, namun juga menggalakkan kesihatan mental yang lebih baik melalui gabungan senaman aerobik dan tarian.

6. Saya turut difahamkan, dengan iringan muzik yang bertenaga dan gerakan tubuh yang energik, Aerodance mampu menawarkan satu pengalaman yang menyeronokkan, mengujakan, dan memberi manfaat kepada semua.

7. Saya percaya, selain mengajak kita bersenam, program ini dapat membina hubungan baik dikalangan peserta sambil dapat mencapai matlamat badan kekal cergas dan minda yang sihat.
8. Saya berharap, menjelang minggu-minggu akhir semester ini para pelajar semua akan lebih menitikberatkan kesihatan agar tidak menjejaskan tugas akademik.
9. Semoga dengan penyertaan program seumpama ini, para pelajar akan sentiasa cakna akan kepentingan menjaga kesihatan fizikal dan mental yang memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian, selain menuntut ilmu.
10. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak penganjur dan semua pihak yang

terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan acara ini.

11. Tanpa usaha keras dan komitmen semua pihak, program ini pasti tidak akan dapat terlaksana dengan sempurna.

12. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan program **Fun Fitness: Aerodance UCS Rector's Cup 2024.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**